

**Inisiatif Penanaman Pokok Bakau di Terengganu
cerminan komitmen Bank Islam memelihara kelestarian
alam sekitar**

1,000 anak pokok ditanam dengan kerjasama lebih 150 sukarelawan

KUALA TERENGGANU, AHAD [4 OGOS 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) meneruskan inisiatif kelestariannya dengan menanam 1,000 anak pokok bakau di Pantai Merchang, Marang, Terengganu dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Seramai 150 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Dungun dan Marang serta Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim (PERKAYA) Terengganu serta sukarelawan Universiti Malaysia Terengganu mengambil bahagian dalam menjayakan inisiatif ini. Turut sama adalah 20 orang kakitangan Bank Islam Terengganu.

Penanaman anak pokok bakau Pantai Merchang merupakan kesinambungan usaha pemuliharaan alam sekitar sejak tahun 2019 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM25,000. Antara langkah proaktif lain yang diambil sebelum ini termasuk program pembersihan pantai di Pantai Sepat dan Pantai Balok di Kuantan serta penanaman 2,000 anak pokok bakau di Pantai Sepat, Tanjung Lumpur dan Pantai Chendor, Pahang.

Bersempena ulang tahun ke-40 Bank Islam pada 2023, sebanyak 4,000 anak pokok bakau telah ditanam di Pantai Cherating, Pahang dengan melibatkan 170 sukarelawan dari empat institusi pengajian tinggi tempatan dan rakan kerjasama.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Usaha pemuliharaan alam sekitar mencerminkan komitmen Bank Islam terhadap kelestarian khazanah alam negara. Inisiatif penanaman anak pokok bakau di Pantai Merchang hari ini mengambil kira kepentingan signifikan hutan bakau terhadap kesejahteraan segenap kehidupan marin.

"Hutan bakau memainkan peranan utama dalam aspek keselamatan makanan dan ekologi kehidupan sekitar, selain menjadi benteng semulajadi yang melindungi pesisir pantai daripada hakisan ombak. Jika kawasan bakau terancam, ia akan menjaskasikan kitaran ekologi dan ekonomi setempat termasuk memberikan impak negatif terhadap sumber pendapatan nelayan di kawasan perairan ini."

Beliau menambah, "Inisiatif hari ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk sekitar dan pengunjung di kawasan terlibat tentang kepentingan ekosistem hutan bakau serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara keindahannya. Kami ingin memperkasakan masyarakat untuk berganding tenaga dan turut menyumbang dalam menangani isu-isu berkaitan alam sekitar termasuk perubahan iklim yang memberikan impak besar terhadap kualiti kehidupan."

Usaha penanaman anak pokok bakau di Pantai Merchang selaras dengan tumpuan Bank Islam terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya SDG 13: Tindakan Terhadap Iklim dan SDG 14: Kehidupan di Bawah Air.

Turut hadir pada inisiatif kelestarian ini, Profesor Dr Marinah Mohd Ariffin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMT, dan Abd Shukor Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif YPASM.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.